

BAHAGIAN C : PENENTUAN PIAWAIAN

PAKEJ T2/A3 - BAIKPULIH DEWAN ASPIRASI, BANGUNAN INTEGRITI DAN MEDAN WARISAN DI UiTM KAMPUS DUNGUN

1. Spesifikasi kerja (Penentuan Piawaian) bagi item-item yang tersebut di dalam Ringkasan Tender/Sebutharga adalah sepenuhnya berpandukan pada Spesifikasi Piawai JKR.
2. Pihak pemborong juga boleh merujuk spesifikasi di :-

Bahagian Pengurusan Fasiliti
UiTM Cawangan Terengganu
Kampus Dungun
23200 Dungun
Terengganu

3. Hanya spesifikasi-spesifikasi bagi item-item yang tertentu sahaja yang dilampirkan di dalam dokumen ini.

Item	Tajuk	Keterangan
1.0	Piawaian	Kecuali jika dinyatakan, semua kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mengikut penentuan yang ditetapkan oleh pembuat dan mengikut kaedah oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
2.0	Kerja Permulaan	Pemborong adalah dikehendaki mengambil insuran secukupnya bagi tujuan kerja-kerja ini.
3.0	Liputan Kerja	Sebutharga ini meliputi segala keperluan tenaga dan alatan seperti yang terkandung diringkaskan sebutharga bagi maksud menjayakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut.
4.0	Keselamatan	Pemborong perlu sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa kerja terutamanya keselamatan awam, harta awam dan seumpamanya seperti menyediakan papan-papan tanda dan amaran.
5.0	Gangguan	Sewaktu kerja dijalankan, pemborong hendaklah sentiasa meminimakan gangguan kepada pengguna lain dan orang ramai.
6.0	Bahan	Bahan-bahan yang hendak digunakan hendaklah diluluskan.